

Menteri Luar Jayakan Sesi Dialog Antarabangsa dan Penyampaian Watikah JAKMAS

Terakhir dikemaskini: Selasa, 18 September 2018 16:33 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 190

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 18 SEPTEMBER – Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Sesi Dialog Hubungan Antarabangsa dan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) bagi sesi 2018/2019 di Auditorium Pusat Pascasiswazah, baru-baru ini.

Sesi Dialog Hubungan Antarabangsa itu disampaikan oleh Menteri Luar Negeri Malaysia, Dato' Saifuddin Abdullah.

Dato' Saifuddin ketika ditemui

media berkata, dialog bersama mahasiswa itu mempunyai dua matlamat penting iaitu yang pertama untuk menerangkan tentang Dasar Luar Malaysia.

“Saya ingin menjelaskan bahawa Dasar Luar Malaysia bukan hanya semata-mata terhadap perkara yang berlaku di luar negara sahaja tetapi ada kaitan sangat rapat dengan apa yang berlaku di dalam negara.

“Dan yang kedua, sesi ini juga adalah sebagai ruangan untuk mendengar pandangan dan idea para mahasiswa berkaitan dengan dasar luar tersebut,” katanya.

Dato' Saifuddin turut menyempurnakan penyampaian watikah pelantikan kepada 10 Yang Dipertua JAKMAS yang mewakili seluruh JAKMAS kolej kediaman UMS bagi sesi 2018/2019.

Hampir 200 peserta hadir pada majlis tersebut termasuk 94 orang pelajar antarabangsa.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali; Pegawai Utama dan Kanan UMS dan barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).